

Profil Pengalaman Keusahawanan dan Faktor Mempengaruhi Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Profile of Entrepreneurial Experience and Factors Affecting Entrepreneurial Skills among Students of the Faculty of Social Sciences and Humanities

FAUZIAH IBRAHIM*, EZARINA ZAKARIA, NOR JANA SAIM, SARMILA MD SUM & HASNOOR SHIMA AHMAD HASSAN

Received: 12-8-2024/ Accepted: 22-1-2025

ABSTRAK

Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (PTK IPT) 2021–2025 yang bertujuan membudayakan institusi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan lepasan pengajian tinggi. Sebagai usaha menyokong hasrat tersebut maka, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti profil dan pengalaman keusahawanan serta menganalisis faktor yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM. Kajian dilaksanakan menggunakan rekabentuk tinjauan keratan lintang secara kuantitatif. Seramai 418 orang mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di FSSK dipilih sebagai responden kajian. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan IBM SPSS statistik versi 25. Hasil kajian deskriptif mendapati 75.6% mahasiswa FSSK belum pernah mempunyai pengalaman menjalankan perniagaan dan jenis perniagaan makanan (64.1%) dan fesyen (36.8%) merupakan pilihan utama mahasiswa sekiranya diberikan peluang memulakan perniagaan. Sejumlah 51.7% mahasiswa tidak mempunyai latarbelakang ahli keluarga terlibat dengan perniagaan dan 61.7% kurang berpeluang mengikuti kursus berkaitan keusahawanan secara professional. Kajian juga mendapati 81.3% mahasiswa mengakui kursus asas keusahawanan yang ditawarkan oleh fakulti membantu mencetuskan minat untuk memulakan perniagaan. Analisis regresi berganda dengan menggunakan pendekatan stepwise mendapati faktor kreativiti dan inovasi merupakan faktor peramal utama yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dengan menyumbang sebanyak 51% varians ($R^2=.518$) terhadap kemahiran keusahawanan. Selain itu, faktor literasi keusahawanan dan kesanggupan mengambil risiko juga turut mempengaruhi kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Hasil kajian memberi sumbangan signifikan kepada pihak pengurusan fakulti dan UKM ke arah keperluan penyediaan pelan strategik bagi menjayakan agenda pembudayaan keusahawanan melalui penyediaan program latihan kemahiran dan pementoran keusahawanan bagi memperkaya pengalaman mahasiswa dan melonjakkan kebolehpasaran graduan.

Kata Kunci: profil keusahawanan; Kemahiran; pembudayaan keusahawanan; mahasiswa; FSSK

ABSTRACT

The Ministry of Higher Education has launched the Entrepreneurship Action Plan for Institutions of Higher Education (PTK IPT) 2021-2025 which aims to cultivate entrepreneurial institutions among students and graduates of higher education. As an effort to support that desire, this study was conducted to identify the profile and experience of entrepreneurship as well as analyze the factors that influence entrepreneurship skills among students at the Faculty of Social Sciences and Humanities (FSSK), UKM. The study was conducted using a quantitative cross-sectional survey design. A total of 418 students who are continuing their studies at FSSK were selected as study respondents. The data was analyzed descriptively and inferentially using IBM SPSS statistics version 25. The results of the study found that 75.6% of FSSK students have never had experience running a business and the type of food (64.1%) and fashion (36.8%) business is the main choice of students if given the opportunity to start a business. The total of 51.7% have no background family members are involved in business and 61.7% have less opportunity to follow courses related to entrepreneurship professionally. The study also found that 81.3% of students admitted that the basic entrepreneurship course offered by the faculty helped spark interest in starting a business. Multiple regression analysis using a stepwise

approach found that creativity and innovation factors are the main predictor factors that affect entrepreneurial skills among students by contributing as much as 51% of the variance ($R^2 = .518$) to entrepreneurial skills. In addition, entrepreneurial literacy factors and the willingness to take risks also affect entrepreneurial skills among students. The results of the study make a significant contribution to the management of the faculty and UKM towards the need to prepare a strategic plan to succeed in the entrepreneurship culture agenda through the provision of skills training programs and entrepreneurship mentoring to enrich the student experience and boost the marketability of graduates.

Keywords: entrepreneurial; profile; skills; entrepreneurial culture; students; FSSK

PENGENALAN

Keusahawanan merupakan satu bidang penting yang memainkan peranan besar dalam usaha menjana ekonomi negara dan membentuk peluang pekerjaan baharu (Deveci & Seikkula-Leino, 2018). Di Malaysia, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) telah diwujudkan bertujuan untuk mempersiapkan negara Malaysia ke arah sebuah negara keusahawanan menjelang tahun 2030 (KPT, 2020; Ling, et al., 2022). Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2020), usaha memupuk kemahiran keusahawanan bertujuan untuk melahirkan lebih ramai usahawan siswazah untuk menjadi 'barisan hadapan' atau pemain utama yang menyumbang secara langsung dalam merealisasikan DKN 2030.

Sebagai usaha menyokong hasrat tersebut, Kementerian Pengajian Tinggi telah memainkan peranan dalam usaha merealisasikan dasar tersebut dengan mengambil inisiatif melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (PTK IPT) 2021–2025. Pelan tersebut dirangka bertujuan untuk membudayakan institusi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan lepasan pengajian tinggi. Menurut Yusof, et al (2013), mahasiswa perlu meningkatkan kebolehpasaran mereka dengan memantapkan aspek kemahiran dan kebolehan diri untuk menghadapi cabaran dan persaingan mendapatkan pekerjaan. Kajian yang dijalankan oleh Lam Siok, Sheerad & Norasmah, (2022) pula mendapati, 77.67% dalam kalangan mahasiswa pernah menyertai program keusahawanan yang dilaksanakan oleh pihak universiti dan sejumlah 75% dalam kalangan mahasiswa mempunyai pengalaman menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di dalam kampus dengan menjual barangan atau produk tertentu. Aktiviti keusahawanan sudah semestinya boleh membantu meningkatkan pendapatan dan menjadi penyumbang kepada ekonomi negara (Lilanka & Ravindran, 2021; Sanchez, et al, 2017).

Oleh itu institusi pendidikan perlu berusaha untuk menyediakan ekosistem keusahawanan dalam kampus bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan dan menambah bilangan usahawan untuk membantu menjana ekonomi negara (Abadli, Kooli & Otmani, 2020). Di Malaysia, pelbagai program dan inisiatif berkaitan keusahawanan telah digerakkan untuk mempromosikan bidang keusahawanan di seluruh negara. Bagi menyahut inisiatif yang digerakkan oleh KPT ini, pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga telah membangunkan Pelan Strategik T.E.R.A.S yang memberi penekanan kepada aspek keusahawanan mahasiswa bagi membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan dan penjanaan pendapatan (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022). Laporan Kajian Pengesanan Graduan yang telah dilaksanakan oleh UKM pada tahun 2021, mendapati 13.9% graduan UKM masih belum berjaya memperoleh pekerjaan selepas tamat pengajian pada tahun 2020. Laporan ini pastinya menyemak lagi usaha pihak universiti untuk menyediakan program-program keusahawanan yang berimpak tinggi yang boleh memperkasa jaringan keusahawanan dan memantapkan ekosistem keusahawanan di dalam kampus khusus untuk mahasiswa. Ini kerana universiti memainkan peranan utama dalam membangunkan inisiatif yang menggalakkan minat keusahawanan melalui program keusahawanan yang boleh membantu

meningkatkan niat dan motivasi mahasiswa untuk menjadi seorang usahawan (Garcia & Ramirez, 2021; Portuguez, et al., 2019).

Kemahiran keusahawanan merujuk kepada kebolehan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam perniagaan (Mohd Hafeez (2013). Memiliki kemahiran keusahawanan berupaya menggalakkan inovasi dan ketahanan diri serta keupayaan untuk mencari solusi baharu terhadap masalah, idea dan kaedah melakukan sesuatu perkara melalui pembelajaran berasaskan pengalaman (Omolara, 2018). Beberapa kajian mendapati, walaupun beberapa inisiatif telah digerakkan untuk membudaya dan menyemarakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan mahasiswa, namun kajian mendapati keinginan mahasiswa untuk menceburi bidang keusahawanan masih berada pada tahap yang rendah disebabkan oleh persepsi negatif dan sikap mereka yang tidak menunjukkan minat terhadap bidang keusahawanan (Nurul Jasmin & Noor Aslinda, 2020; Obschonka & Stuetzer, 2017; Renko, et al., 2015). Menurut Rohaila, et al, (2005), terdapat dalam kalangan graduan Malaysia yang beranggapan bahawa keusahawanan sebagai pilihan kedua atau terakhir dalam menentukan kerjaya mereka. Manakala kajian yang dijalankan oleh Nurul Jasmin (2005) mendapati faktor kawalan tingkah laku termasuk aspek kemahiran diri perlu diberi perhatian dalam kalangan pelajar bagi mengubah perspektif yang positif dan memupuk minat mereka untuk menceburi bidang keusahawanan.

Manakala Akmal, et al (2022) menyatakan bahawa penglibatan mahasiswa untuk menceburi bidang keusahawanan di kampus adalah rendah disebabkan oleh kurangnya keyakinan diri mereka terhadap program yang dianjurkan oleh pihak universiti. Kajian juga mendapati wujud pandangan negatif terhadap kerjaya keusahawanan disebabkan oleh tahap literasi yang rendah dalam kalangan mahasiswa terhadap bidang keusahawanan dan mereka memilih untuk mencari pekerjaan di sektor awam dan swasta disebabkan oleh kurangnya ilmu yang berkaitan dengan keusahawanan (Toresingam, 2019; Badariah, Abdul Rahim & Mariana, 2016). Persepsi negatif terhadap kerjaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa telah menyebabkan jumlah mahasiswa yang memulakan perniagaan sendiri masih berada pada tahap yang rendah (Obschonka & Stuetzer, 2017). Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Malaysia pada tahun 2020 juga mendapati lebih daripada 35,000 orang graduan pada tahun berkenaan dikenalpasti telah menganggur dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi di seluruh negara. Keadaan ini sekiranya tidak ditangani dengan segera boleh menjejaskan Dasar Keusahawanan National yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan menjelang tahun 2030. Ia juga memberi kesan ke atas kejayaan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (PTK IPT) 2021–2025 yang telah dirangka oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi.

Usaha untuk memperkukuhkan keusahawanan sama ada ke arah pemikiran atau kecenderungan untuk menjadi usahawan melalui pendidikan dilihat mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan, mengurangkan isu yang berkaitan dengan pengangguran dalam kalangan golongan muda, meningkatkan tahap sosio ekonomi sesebuah masyarakat dan mengurangkan jurang di antara golongan berada dan miskin (Pelan Tindakan Keusahawanan Pengajian Tinggi 2016-2020). Memandangkan kekurangan maklumat yang komprehensif mengenai kemahiran keusahawanan mahasiswa dan bidang keusahawanan adalah penting untuk menjayakan Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi, 2021-2025, oleh Kementerian Pengajian Tinggi maka satu kajian empirikal telah digerakkan bertujuan untuk mengenalpasti profil, pengalaman dan faktor yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di FSSK. Hasil kajian ini dilihat menyumbang kepada korpus ilmu dan penyediaan maklumat yang signifikan dalam penyediaan data yang komprehensif

berkaitan dengan aspek keusahawanan mahasiswa. Ketiadaan maklumat pangkalan data berkaitan dengan profil, pengalaman dan kemahiran keusahawanan yang komprehensif dalam kalangan mahasiswa FSSK akan menyukarkan pihak yang berkepentingan khususnya pihak pengurusan fakulti dan UKM untuk menyediakan hala tuju dan pelan perancangan yang strategik berkaitan program-program pementoran dan latihan kemahiran yang diperlukan untuk menggilap bakat, potensi dan kemahiran keusahawanan mahasiswa. Ia juga secara tidak langsung menjejaskan usaha yang digerakkan oleh pihak KPT dan Pelan Strategik T.E.R.A.S, UKM yang memfokuskan aspek pembudayaan keusahawanan dan pementapan ekosistem keusahawanan mahasiswa sewaktu dalam tempoh pengajian.

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan rekabentuk tinjauan keratan lintang (*cross-sectional survey*) secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah pengutipan data melalui pagedaran borang soal selidik. Reka bentuk ini dipilih kerana ia sesuai untuk memberikan gambaran segera tentang pandangan mahasiswa pada satu tempoh masa tertentu sahaja. Menurut Malhotra, Sham, & Crsip (1996) reka bentuk keratan-lintang merupakan suatu kaedah yang melibatkan pengumpulan data terhadap satu jenis sampel daripada populasi yang dikaji secara sekali sahaja berdasarkan kepada atribut responden yang sedia ada. Proses pengumpulan data melibatkan tempoh 3 bulan dengan menggunakan kaedah pagedaran borang soal selidik bersemuka kepada pelajar di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

POPULASI KAJIAN

Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) yang terdiri dari enam (6) buah pusat kajian seperti berikut:

1. Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra)
2. Pusat Kajian Pembangunan Sosial & Persekitaran (SEEDS)
3. Pusat Kajian Bahasa & Linguistik (PKBL)
4. Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA)
5. Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu (BITARA)
6. Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION).

Populasi kajian di FSSK dipilih kerana bidang-bidang pengajian di FSSK memiliki potensi keusahawanan yang unik berbanding mahasiswa di fakulti-fakulti yang lain. Menurut Bahagian Prasiswazah FSSK, jumlah populasi semasa mahasiswa di enam pusat kajian sehingga tahun 2024 adalah seramai 1934 orang.

PENENTUAN SAIZ SAMPEL

Penentuan saiz sampel dalam kajian ini ditentukan berdasarkan kepada jadual persampelan kajian yang telah dirangka oleh Cohen, Manion & Morrison (2011) dengan mengambil kira aras kesignifikanan pada $p < .05$ (aras keertian = 95%). Menurut jadual penentuan saiz sampel yang disediakan oleh Cohen, Manion dan Morrison (2001), sekiranya populasi bagi suatu kajian ialah 1934 orang dan aras kesignifikanan yang diperlukan ialah .05, maka bilangan responden yang diperlukan ialah seramai 322 orang. Bagi memenuhi kajian ini, penyelidik berpendapat adalah wajar sekiranya jumlah sampel yang disediakan mengikut jadual penentuan saiz sampel oleh Cohen, Manion dan Morrison (2011) iaitu seramai 322 orang ditambah menjadi 418 orang. Ia bertujuan untuk menampung sekiranya berlaku keciciran atau disebabkan oleh kesilapan pengisian borang kaji selidik oleh responden. Selain itu, lebih besar sesuatu sampel, maka lebih mantap sesuatu kajian dan sampel yang lebih besar berupaya membantu mengurangkan kesilapan sesuatu keputusan kajian.

PROSES PENGUMPULAN DATA

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan hasil kajian. Borang soal selidik tersebut mengandungi beberapa bahagian seperti berikut:

Bahagian A: Profil dan Pengalaman Keusahawanan Mahasiswa: mengandungi beberapa item soalan untuk mengenal pasti profil dan pengalaman keusahawanan mahasiswa yang merangkumi aspek yang berkaitan dengan program pengajian, umur, bangsa, status perkahwinan, PNGK terkini, pendapatan isi rumah keluarga mahasiswa dalam tempoh sebulan, jenis perniagaan yang menjadi pilihan mahasiswa sekiranya diberi peluang memulakan perniagaan, pemilikan akaun media sosial, pengalaman mengikuti kursus keusahawanan secara professional dan pandangan mahasiswa terhadap manfaat kursus LMCW 1022 Asas Keusahawanan dan Inovasi yang ditawarkan oleh pihak fakulti kepada mahasiswa.

Bagi menganalisis faktor yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa FSSK, kajian ini menggunakan beberapa skala atau alat ujian yang telah dibina oleh Fauziah, et al (2023) bagi menganalisis faktor yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa seperti berikut:

Bahagian B: Skala Literasi Keusahawanan: mengandungi sembilan (9) item soalan yang mengukur tentang literasi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Nilai kebolehpercayaan skala ini adalah tinggi iaitu 0.856.

Bahagian C: Skala Motivasi Keusahawanan: mengandungi 10 item soalan yang mengukur motivasi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Nilai kebolehpercayaan skala ini adalah tinggi iaitu 0.856.

Bahagian D: Skala Kreativiti & Inovasi: mengandungi lapan (8) item soalan yang mengukur kreativiti dalam inovasi dalam kalangan mahasiswa. Nilai kebolehpercayaan skala ini adalah tinggi iaitu 0.856.

Bahagian E: Skala Kesanggupan Mengambil Risiko: mengandungi sembilan (9) item soalan yang mengukur kesanggupan mengambil risiko dalam kalangan mahasiswa. Nilai kebolehpercayaan skala ini adalah tinggi iaitu 0.856.

Bahagian F: Skala Keyakinan Diri: mengandungi tujuh (7) item soalan yang mengukur keyakinan diri mahasiswa untuk menceburi bidang keusahawanan. Nilai kebolehpercayaan skala ini adalah tinggi iaitu 0.856.

Bahagian G: Skala Kemahiran Keusahawanan: mengandungi tiga puluh tujuh (37) item soalan yang mengukur kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa termasuk aspek yang berkaitan dengan kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran mengurus, kemahiran teknologi maklumat dan kemahiran kepimpinan. Nilai kebolehpercayaan skala ini adalah tinggi iaitu 0.959.

Kesemua skala atau alat ujian yang disenaraikan di bahagian B hingga G, terdiri daripada Likert 4 skala iaitu (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Setuju dan (4) Sangat Setuju.

ANALISIS DATA


Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan 'Statistical Package for the Social Science for Windows' versi 25. Terdapat beberapa jenis analisis statistik digunakan dalam kajian ini seperti analisis deskriptif iaitu analisis yang digunakan untuk mencapai objektif kajian yang pertama iaitu untuk menyediakan profil dan pengalaman keusahawanan dalam kalangan mahasiswa FSSK. Manakala analisis inferensi dengan menggunakan ujian regresi berganda dengan menggunakan pendekatan stepwise telah digunakan untuk memenuhi objektif kajian yang kedua iaitu untuk menganalisis faktor utama yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di FSSK, UKM. Analisis regresi berganda dengan menggunakan pendekatan stepwise dipilih kerana analisis ini digunakan untuk memperoleh hasil dapatan yang memfokus kepada faktor utama yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

PROFIL DAN PENGALAMAN KEUSAHAWANAN MAHASISWA FSSK


Kajian ini melibatkan sejumlah 418 orang mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian di enam buah pusat kajian di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM (Jadual 1). Kajian mendapati sejumlah 17.9% mahasiswa adalah terdiri daripada mereka yang sedang mengikuti pengajian di program Linguistik, 15.3% dari program Kerja Sosial, 13.6% daripada program Sejarah dan 13.2% terdiri daripada mereka yang mengikuti program pengajian Psikologi (Jadual 3). Manakala selebihnya adalah dalam kalangan mahasiswa yang sedang mengikuti program pengajian dalam bidang Sains Politik (8.6%), Bahasa Melayu (6.9%), Persuratan Melayu dan Bahasa Inggeris (6%), Sains Pembangunan (5.7%), Komunikasi Media (5.3%) dan program Antropologi dan Sosiologi (1.4%).

JADUAL 1. Peratus Mahasiswa Mengikuti Program Pengajian di FSSK



Keseluruhannya kajian ini melibatkan mahasiswa FSSK yang majoritinya berumur antara 21 hingga 23 tahun (79%), berbangsa Melayu (88%), mahasiswa perempuan (80.9%), masih bujang dan belum berkahwin (98.9%). Majoriti mereka yang terlibat dalam kajian ini telah menyambung pengajian di FSSK, UKM dengan menggunakan kelayakan sijil STPM/Matrikulasi (68.2%) dan mempunyai PNGK terkini yang tinggi iaitu 3.00 ke atas. Hasil kajian ini juga mendapati majoriti mahasiswa FSSK yang terlibat dalam kajian ini terdiri dalam kalangan mereka yang berada dalam kumpulan B40 iaitu mempunyai pendapatan isi rumah keluarga kurang RM4850 sebulan (67.9%). Jadual 2 menunjukkan ringkasan profil mahasiswa FSSK.

JADUAL 2. Profil Mahasiswa FSSK




Berdasarkan pengamatan berkaitan dengan pengalaman keusahawanan, hasil kajian mendapati sejumlah 75.6% mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian di FSSK tidak pernah berpeluang menjalankan aktiviti keusahawanan atau perniagaan sebelum melanjutkan pengajian

di FSSK berbanding 24.4% yang mengakui bahawa mereka pernah mempunyai perniagaan atau menjalankan aktiviti keusahawanan sebelum melanjutkan pengajian di FSSK. Dapatan kajian ini memberi petunjuk penting dan boleh dijadikan rujukan kepada pihak pengurusan fakulti dan universiti berkaitan dengan keperluan untuk menyediakan pelan strategik bagi menjayakan agenda pembudayaan keusahawanan di universiti melalui penyediaan program-program latihan kemahiran dan pementoran keusahawanan bagi memperkaya bakat dan pengalaman mahasiswa. Ia bertujuan untuk mencapai matlamat dan usaha pihak universiti untuk melonjakkan kebolehpasaran graduan. Ini kerana institusi pengajian tinggi memainkan peranan utama dalam membangunkan inisiatif yang menggalakkan minat keusahawanan mahasiswa melalui program keusahawanan yang mendorong minat dan motivasi mahasiswa untuk menjadi seorang usahawan (Garcia & Ramirez, 2021; Portuguese, et al., 2019). Program pendidikan keusahawanan bukan sahaja membantu mahasiswa untuk memulakan perniagaan baharu, tetapi membantu menggilap potensi, mengasah bakat dan kemahiran keusahawanan bagi mengisi peluang pekerjaan yang baharu (Portuguez, et al., 2021; Kusio & Fiore, 2020).

Analisis kajian seterusnya menunjukkan bahawa terdapat dua (2) jenis perniagaan yang memperoleh peratusan tertinggi dan digemari oleh mahasiswa FSSK sekiranya pihak fakulti memberikan peluang dan platform untuk mereka memulakan perniagaan di dalam kampus. Analisis menunjukkan 64.1% dalam kalangan mahasiswa FSSK memilih jenis perniagaan makanan dan 36.8% memilih jenis perniagaan pakaian/fesyen sebagai aktiviti perniagaan permulaan yang hendak dilaksanakan sekiranya diberikan peluang menjalankan perniagaan di FSSK. Selebihnya mereka berminat untuk memulakan perniagaan tuisyen (24.9%), kosmetik (18.4%), aksesori (18.2%) dan perkhidmatan penterjemah (14.6%). Maklumat terperinci berkaitan jenis perniagaan yang dipilih oleh mahasiswa FSSK untuk memulakan perniagaan adalah seperti Jadual 3 berikut:

JADUAL 3. Jenis Perniagaan Pilihan Mahasiswa FSSK




Petunjuk penting jenis perniagaan yang digemari oleh mahasiswa ini juga merupakan penemuan kajian yang boleh diberikan penekanan oleh pihak fakulti ke arah inisiatif dan keperluan mewujudkan program perantis keusahawanan FSSK untuk memberikan pendedahan, pengetahuan

dan kemahiran dalam bidang pengurusan makanan dan pakaian/fesyen di FSSK. Menurut Buil, et al (2016), pengenalpastian kemahiran dan minat keusahawanan berupaya mengukuhkan usaha ke arah merealisasikan perniagaan yang hendak dimulakan dan memperkasa bakat keusahawanan. Kolaborasi strategik dengan ikon, usahawan selebriti dan pemain industri dalam bidang perniagaan makanan dan pakaian/fesyen juga boleh diwujudkan untuk mengukuhkan jalinan kerjasama melalui perkongsian pengalaman dan menambah baik pembiayaan untuk memulakan perniagaan. Menurut Lilanka & Ravindran (2021), aktiviti keusahawanan sudah semestinya boleh membantu meningkatkan pendapatan dan menjadi penyumbang kepada ekonomi negara. Pengenalpastian minat keusahawanan dalam kalangan mahasiswa membantu pihak yang berkepentingan membangunkan strategi yang berkesan dan program latihan keusahawanan yang memihak kepada mereka (Bodolica, et al., 2021; Valenzuela, et al., 2021).

Berdasarkan tinjauan terhadap pemilikan akaun media sosial dalam kalangan mahasiswa, kajian mendapati sejumlah 95.2% dalam kalangan mahasiswa sudah sedia mempunyai akaun *instagram*, 93.8%, mempunyai aplikasi whatsapp, 87.1% memiliki akaun *Telegram*, 84% akaun *TikTok* dan selebihnya sudah sedia mempunyai akaun *YouTube* (74.6%) dan *Facebook* (68.2%) sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa majoriti mahasiswa FSSK mempunyai pemilikan akaun media sosial dan keadaan ini memberi petunjuk yang positif terhadap usaha untuk mengilap bakat dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan mereka. Media sosial memainkan peranan penting kepada usahawan dalam mengerakkan perniagaan melalui aktiviti pemasaran dan mempromosikan sesuatu produk perniagaan bagi mencapai pasaran global (Faradillah, et al, 2020; Wang, et al. 2020). Menurut Mangold & Faulds (2009), melalui saluran media sosial ia membuka ruang perniagaan untuk berkomunikasi dengan pengguna di seluruh dunia tentang penciptaan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam pasaran.

JADUAL 4. Pemilikan Akaun Media Sosial oleh Mahasiswa



Akaun media sosial *Facebook* misalnya dikenalpasti mempunyai lebih daripada satu bilion pengguna dan rangkaian media sosial tersebut dilihat kian meluaskan kuasa dengan memperlihatkan sebahagian besar masa pengguna yang bergelar usahawan dihabiskan dalam talian. Manakala kebanyakan pengguna pula dilihat lebih gemar memilih dan menggunakan talian komunikasi seperti Blog, *YouTube*, *Myspace*, *Instagram* dan *Facebook* untuk berkongsi maklumat mengenai produk perniagaan (Kozinet, 2002)

Berdasarkan pengalaman mengikuti kursus keusahawanan, kajian mendapati majoriti iaitu sejumlah 61.7% mahasiswa FSSK tidak pernah berpeluang mengikuti kursus berkaitan dengan keusahawanan secara professional. Hanya 38.3% sahaja dalam kalangan mahasiswa pernah terlibat dan menghadiri kursus keusahawanan selain kursus LMCW1022 Asas Keusahawanan dan Inovasi yang ditawarkan oleh pihak fakulti. Bagi mahasiswa yang pernah mengikuti kursus keusahawanan secara professional berkenaan, majoriti iaitu 37.8% dalam kalangan mereka telah mengikuti kursus tersebut di Fakulti, 35.9% mengikuti kursus keusahawanan di UKM dan sejumlah 26.3% lagi mengikuti kursus keusahawanan yang ditawarkan di luar UKM. Kebanyakan mahasiswa iaitu sejumlah 81.3% mengakui kursus LMC1022 Asas Keusahawanan dan Inovasi yang ditawarkan oleh pihak fakulti membantu mencetuskan minat mahasiswa untuk memulakan perniagaan di dalam kampus. Manakala selebihnya iaitu sejumlah 18.7% dalam kalangan mereka menyatakan pandangan sebaliknya.

Menurut Dutta, (2011), pendedahan kursus keusahawanan di sektor pendidikan bertujuan untuk mengasah bakat dan melahirkan usahawan muda yang berkemahiran, berpengetahuan dan berupaya mengendalikan dan memulakan perniagaan baharu. Secara keseluruhan, hasil dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan untuk memberi nilai tambah terhadap usaha pihak pengurusan fakulti untuk memperkaya pengalaman pelajar dan menyediakan program-program keusahawanan yang berimpak tinggi ke arah usaha memantapkan ekosistem keusahawanan di dalam kampus dan mengisi peluang pekerjaan baharu di FSSK.

FAKTOR UTAMA MEMPENGARUHI KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN MAHASISWA FSSK

Analisis regresi berganda dengan menggunakan pendekatan *stepwise* mendapati, daripada lima (5) faktor yang dianalisis untuk mengenalpasti faktor utama mempengaruhi kemahiran keusahawanan mahasiswa, hanya tiga (3) faktor yang signifikan dan dikenalpasti mempengaruhi kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa FSSK. Faktor tersebut adalah faktor kreativiti dan inovasi, literasi keusahawanan dan kesanggupan mengambil risiko. Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, faktor kreativiti dan inovasi [$F(1, 416) = 446.705, p < .01$] dikenalpasti menjadi faktor utama yang mempengaruhi dan menyumbang kepada kemahiran keusahawanan dalam mahasiswa FSSK (Jadual 5). Analisis mendapati faktor kreativiti dan inovasi telah menyumbang sebanyak 51 peratus varians ($R^2 = .518$) terhadap kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa FSSK.

JADUAL 5. Faktor Utama Mempengaruhi Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Mahasiswa FSSK (n=418)

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	R	R ²	ΔR
	B	Std. Error	Beta					
(Constant)	1.531	.084		18.257	.001			
Kreativiti dan Inovasi	.551	.026	.720	21.135	.001	.720	.518	.517
Literasi Keusahawanan	.178	.032	.205	5.536	.001	.742	.551	.549
Kesanggupan Mengambil Risiko	.116	.037	.161	3.163	.001	.749	.562	.558

ANOVA ^a							
Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.	
1	Regression	41.148	1	41.148	446.705	<.001 ^b	
	Residual	38.320	416	.092			

	Total	79.467	417			
2	Regression	43.783	2	21.891	254.590	<.001 ^c
	Residual	35.685	415	.086		
	Total	79.467	417			
3	Regression	44.625	3	14.875	176.744	<.001 ^d
	Residual	34.843	414	.084		
	Total	79.467	417			

a. Pembolehubah bersandar: Kemahiran Keusahawanan
 b. Peramal: (Constant), Kreativiti dan Inovasi
 c. Peramal: (Constant), Kreativiti dan Inovasi, Literasi Keusahawanan
 d. Peramal: (Constant), Kreativiti dan Inovasi, Literasi Keusahawanan, Kesanggupan Mengambil Risiko

Selain faktor kreativiti dan inovasi, faktor literasi keusahawanan juga dilihat menjadi penyumbang kepada pembolehubah dalam kemahiran keusahawanan kerana kombinasinya dengan kreativiti dan inovasi (Beta = .178, $p < .01$) telah menambah sebanyak (55.1 – 51.8) peratus atau 3.3 peratus kepada varians ($R^2 = .551$) dalam variabel kriterion (kemahiran keusahawanan) [$F = (2, 415) = 254.590, p < .01$]. Manakala kombinasi kesanggupan mengambil risiko (Beta = .116, $p < .01$) pula menambah sebanyak (56.2-55.1) peratus atau 1.1 peratus kepada varians ($R^2 = .562$) dalam pemboleh ubah kemahiran keusahawanan [$F = (3, 414) = 176.744, p < .01$]. Hasil kajian ini memberi panduan dan petunjuk penting kepada pihak-pihak yang berkepentingan khususnya pihak pengurusan fakulti dan UKM untuk menyediakan pelan strategik pembangunan keusahawanan serta modul-modul latihan dan bimbingan keusahawanan yang boleh mempertingkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa FSSK.

Memandangkan faktor kreativiti dan inovasi merupakan penyumbang utama kepada aspek kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa FSSK, maka pihak pengurusan fakulti disarankan untuk menyediakan platform dan ekosistem yang boleh merangsang daya kreativiti dan inovasi mahasiswa. Menurut Abdul Aziz (2003), kreativiti merujuk kepada tingkah laku yang berbeza daripada kebiasaan untuk memperolehi hasil yang lebih baik untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Manakala menurut Kamylyis dan Berki (2014), kreativiti sebagai pemikiran yang membolehkan individu mengaplikasi imaginasi mereka untuk menghasilkan idea, soalan dan hipotesis, bereksperimen dengan alternatif dan menilai idea, produk dan proses akhir. Seorang usahawan yang berjaya perlu memiliki daya kreativiti yang tinggi, daya berinovasi, moral dan beretika serta sanggup menanggung risiko (Ab. Aziz, 2010). Bledow et al. (2009) pula berpandangan inovasi sebagai idea baharu dan berguna untuk memberi manfaat kepada individu, pasukan, organisasi atau masyarakat yang lebih luas. Kedua-dua dimensi ini saling berinteraksi mengikut pemikiran dan daya kreativiti seseorang individu (Sternberg, 2010).

Dalam kajian ini, kreativiti dan inovasi merujuk kepada pemikiran atau aspek yang dimiliki oleh mahasiswa yang membantu mereka menjalankan aktiviti keusahawanan seperti kemampuan untuk menghasilkan idea baharu dan pelbagai, mampu membuka perniagaan yang berbeza daripada orang lain, suka mencuba sesuatu yang baharu, mempunyai daya imaginasi yang tinggi dan melihat masalah sebagai suatu peluang. Antara program-program yang boleh membantu meningkatkan kreativiti dan inovasi mahasiswa adalah dengan mengadakan sesi *brainstorming* secara berkala dalam kalangan mahasiswa dengan membentangkan idea-idea baharu yang boleh merangsang pemikiran kreatif mereka. Idea inovatif dan kreatif yang memacu syarikat permulaan mahasiswa juga harus ditingkatkan dengan melaksanakan program inovasi keusahawanan seperti pertandingan inovasi, bengkel inovasi sosial, program hujung minggu dan program-program lain yang merangsang minda yang kreatif dan inovatif. Program-program pementoran dengan melibatkan pemain industri dan usahawan berjaya juga boleh diwujudkan untuk melebarluas jaringan kerjasama bagi mendapatkan panduan, perkongsian idea dan sokongan dalam penciptaan

produk yang inovatif dan kreatif dan secara tidak langsung meningkatkan daya kreativiti dan inovasi mereka dalam bidang keusahawanan.

Selain faktor kreativiti dan inovasi, hasil kajian ini juga mendapati literasi keusahawanan sebagai faktor yang menyumbang 3.3% terhadap aspek kemahiran keusahawanan mahasiswa FSSK. Ini bermakna, bagi meningkatkan minda keusahawanan mahasiswa, program-program yang berbentuk literasi atau celik keusahawanan perlu diperbanyakkan di dalam kampus. Bustamante (2014) menyatakan literasi keusahawanan sebagai suatu proses pembelajaran serta penerapan keusahawanan yang berterusan dimana fungsi bagi mana-mana program literasi dilakukan adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, sikap serta keupayaan untuk melaksanakan sesuatu aktiviti. Hendro, (2011) pula mendefinisikan literasi keusahawanan sebagai kesedaran terhadap kepentingan memulakan aktiviti keusahawanan, keupayaan untuk mengenalpasti, memerhati, menganalisis, memproses dan menggunakan pengetahuan keusahawanan untuk memulakan sesuatu perniagaan. Manakala Nadirah (2021), pula beranggapan bahawa literasi keusahawanan sebagai pemahaman terhadap bidang keusahawanan iaitu dari segi pemasaran produk, kewangan, pengurusan dan perkara yang berkaitan dengan perniagaan. Dalam kajian ini, literasi keusahawanan merujuk kepada pengetahuan asas dan kesedaran mahasiswa terhadap aspek keusahawanan seperti pengetahuan untuk mendapatkan modal perniagaan, pengetahuan tentang aktiviti perniagaan, menjual, mengira untung rugi dan membuat pinjaman bank. Memandangkan literasi keusahawanan telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa FSSK, maka disarankan kepada pihak pengurusan fakulti untuk mewujudkan kolaborasi strategik dengan pemain industri yang terlibat dengan aktiviti keusahawanan seperti *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) yang menawarkan kursus keusahawanan digital untuk meningkatkan literasi dan kemahiran digital berkaitan aktiviti keusahawanan. Menurut Nor Azira, et, al. (2023), aktiviti perusahaan digital kian maju dan kebanyakan pengguna masakini memilih dan membuat pembelian secara digital melalui kaedah secara atas talian. Oleh itu, program latihan dan bimbingan keusahawanan secara digital berupaya meningkatkan literasi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa di samping meluaskan rangkaian sosial dan kolaborasi pihak universiti dengan pemain industri untuk membimbing, memberi latihan dan memulakan perniagaan sewaktu mahasiswa berada di dalam kampus. Kerjasama strategik antara industri dan universiti sangat penting bagi memastikan bahawa graduan universiti berupaya memenuhi keperluan pasaran semasa dan masa depan.

Selain keperluan menganjurkan program yang boleh meningkatkan literasi keusahawanan mahasiswa, program lain yang perlu diberikan perhatian oleh pihak pengurusan fakulti untuk mengukuh dan meningkatkan kemahiran keusahawanan mahasiswa adalah melalui program-program yang boleh memperkasa minda keusahawanan mereka seperti program kesediaan dan kesanggupan mengambil risiko dalam kalangan mereka. Ini kerana kajian empirikal yang telah dilaksanakan mendapati kesanggupan mengambil risiko merupakan aspek penting yang signifikan dan menyumbang kepada kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa FSSK. Ruhizan dan Salma (2020), berpandangan bahawa kesanggupan untuk mengambil risiko dianggap sebagai ciri penting dalam menceburi bidang keusahawanan. Manakala Allah Mehdi dan Nakhaie (2011) berpendapat kesanggupan mengambil risiko sebagai kecenderungan seseorang untuk terlibat dengan tingkah laku yang berpotensi untuk memberi risiko tetapi pada masa yang sama memberi ruang atau peluang untuk menghasilkan sesuatu penciptaan yang dianggap sebagai positif. Kesanggupan mengambil risiko boleh juga ditakrifkan sebagai satu bentuk orientasi seseorang individu dalam mengambil risiko (Antocic et al., 2018). Dalam kajian ini, kesanggupan mengambil

risiko merujuk kepada pemupukan minda terhadap kesediaan mahasiswa FSSK untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan sewaktu menjalankan aktiviti keusahawanan seperti berani berhadapan dengan cabaran, sanggup bersaing dengan orang sekeliling, bersedia berhadapan dengan kerugian dan berani untuk berhadapan dengan risiko dalam aktiviti keusahawanan.

Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Ayub dan Radin (2019) terhadap 214 orang pelajar vokasional di Malaysia mendapati kebanyakan pelajar masih lagi mempunyai sikap berani mengambil risiko dan dikenalpasti menunjukkan potensi dan kecenderungan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan yang tinggi. Sebagai usaha untuk memupuk minda kesanggupan mengambil risiko bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan mahasiswa FSSK, pihak fakulti adalah disarankan agar program intensif yang menawarkan pengalaman praktikal dalam membangunkan *startup* perniagaan diwujudkan di peringkat fakulti. Selain itu, program berbentuk pertandingan keusahawanan yang boleh mendorong mahasiswa untuk membangunkan idea perniagaan dan mencipta penyelesaian perniagaan juga wajar diwujudkan bagi memupuk minda kesanggupan mengambil risiko dalam kalangan mahasiswa dan seterusnya meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan mereka. Program perkongsian pengalaman bersama pihak industri dan ikon usahawan berkaitan dengan strategi pengurusan kewangan, pemasaran, teknik mengurus perniagaan dan menghadapi risiko juga membantu mahasiswa untuk lebih bersedia berhadapan dengan cabaran dan mengurus risiko dengan lebih berkesan apabila melibatkan diri dengan aktiviti keusahawanan. Ia juga membantu membentuk jati diri yang berani menghadapi cabaran dan bersedia untuk mengejar peluang pekerjaan yang baharu dan menepati keperluan industri.

KESIMPULAN

Kesimpulannya kajian ini mendapati aspek kreativiti dan inovasi, literasi keusahawanan dan kesanggupan mengambil risiko merupakan faktor peramal penting yang signifikan dan perlu diberi penekanan dalam penyediaan pelan strategik jangka panjang bagi menjayakan agenda keusahawanan dalam kalangan mahasiswa FSSK. Ini kerana kajian mendapati ketiga-tiga faktor tersebut dikenalpasti sebagai faktor yang menyumbang dan mempengaruhi kemahiran keusahawanan mahasiswa FSSK. Kemahiran keusahawanan dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran yang merangkumi aspek komunikasi, penyelesaian masalah, kemahiran mengurus, kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan kemahiran kepimpinan dalam kalangan mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di FSSK, UKM. Ini bermakna untuk membantu meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa, maka ketiga-tiga aspek yang dinyatakan tersebut perlu diberikan perhatian dan tumpuan utama.

Universiti khususnya pihak fakulti harus menyediakan pelan pembangunan bakat keusahawanan FSSK dan menyediakan persekitaran kampus yang menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif secara berterusan. Program-program pementoran, latihan dan kemahiran keusahawanan di FSSK harus bermula dengan gerakan aktiviti yang boleh merangsang daya kreativiti dan inovasi mahasiswa serta program-program literasi dan pemupukan minda kesanggupan mengambil risiko. Program-program ini berupaya meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa FSSK.

Berdasarkan pengalaman keusahawanan, majoriti mahasiswa FSSK belum pernah mempunyai pengalaman menjalankan perniagaan sebelum mereka meneruskan pengajian di FSSK. Walaubagaimanapun majoriti dalam kalangan mahasiswa dikenalpasti telah sedia memiliki

akaun media sosial seperti *Instagram*, *whatsapp*, akaun *Telegram*, *TikTok* dan selebihnya sudah sedia mempunyai akaun *YouTube* dan *Facebook*. Ketersediaan dan celik media sosial ini memberi petunjuk positif ke arah usaha untuk mempromosi dan memasarkan produk yang dihasilkan melalui aktiviti keusahawanan. Sokongan harus diberikan kepada mahasiswa untuk membangunkan perniagaan secara digital bagi menjayakan hasrat pembudayaan dan pemupukan minda keusahawanan secara digital. Ia juga membantu merangsang minda mahasiswa FSSK ke arah penyertaan yang lebih aktif dalam menjalankan aktiviti keusahawanan sewaktu di dalam kampus.

Program-program perintis, inkubator atau *boothcamp* keusahawanan dengan memberi tumpuan kepada jenis perniagaan makanan dan fesyen boleh diketengahkan kerana jenis perniagaan tersebut merupakan pilihan utama perniagaan yang diminati oleh mahasiswa FSSK sekiranya diberikan peluang untuk memulakan perniagaan semasa dalam tempoh pengajian. Memandangkan majoriti mahasiswa FSSK tidak mempunyai latarbelakang ahli keluarga terlibat dengan perniagaan dan kurang berpeluang mengikuti kursus berkaitan keusahawanan secara profesional, maka program-program sokongan dan latihan kemahiran keusahawanan wajar diperkenalkan untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan dan pengembangan bakat di dalam kampus. Hasil kajian juga mendapati kursus LMC1022 Asas Keusahawanan dan Inovasi yang ditawarkan oleh pihak fakulti membantu mencetuskan minat mahasiswa untuk memulakan perniagaan di dalam kampus.

Oleh itu, penglibatan pengamal industri dalam pengajaran dan pembelajaran keusahawanan wajar diterapkan. Program-program latihan kemahiran dan sokongan keusahawanan yang diwujudkan sepertimana yang telah disarankan dijangka membantu meningkatkan kemahiran keusahawanan, melonjakkan kebolehpasaran graduan dan melahirkan graduan yang berupaya mengisi peluang pekerjaan baharu di FSSK.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM melalui Geran Kecil Penyelidikan (GKP), kod penyelidikan GKP-2024-010. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada semua mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM yang telah menjayakan kajian.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. 2010. *Pengenalan kepada Usahawan dan Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Scholarmind Publishing.
- Abadli, R., Kooli, C. & Otmani, A. 2020. Entrepreneurial culture and promotion of exporting in Algerian SMEs: Perception, reality and challenges. *J. Small Bus. Entrep.* 41, 227–240
- Abdul Aziz, Y. 2010. *Pengenalan kepada Usahawan dan Keusahawanan*. Scholarmind Publishing Kuala Lumpur.
- Allah, M.A. & Nakhaie, H. 2011. *Entrepreneurship and Risk-Taking*. International Conference on E-Business, Management and Economics. 25: 77-79.
- Akmal Sabarudin, Nur Hannan Lokman, Nahzatush Simaa Jantan, Nurul Ashikin Zainrudin, Alis Syazmim Abdul Halim & Muhamad Azry Khoiry. 2022. Tinjauan Keberkesanan Program

- Keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap Kebolehpasaran Graduan Menurut Perspektif Alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), 1-14.
- Antoncic, J. A., Antoncic, B., Gantar, M., Hisrich, R. D., Marks, L. J., Bachkirov, A. A., & Kakkonen, M. L. 2018. Risk-taking propensity and entrepreneurship: The role of power distance. *Journal of Enterprising Culture*, 26(01), 1-26.
- Badariah Din, Abdul Rahim Anuar & Mariana Usman. 2016. The Effectiveness of the Entrepreneurship Education Program in Upgrading Entrepreneurial Skills among Public University Students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 224, 117-123.
- Bledow, R., Frese, M., Anderson, N., Erez, M. & Farr, J. 2009. A dialectic perspective on innovation: conflicting demands, multiple pathways, and ambidexterity. *Industrial and Organizational Psychology*, 2(3), 305-337
- Bodolica, V. & Spraggon, M. 2021. Incubating innovation in university settings: Building entrepreneurial mindsets in the future generation of innovative emerging market leaders. *Educ. Train*, 63, 613–631
- Buil, M., Aznar, J. & Galiana, J. 2016. Rocafort-Marco, A. An explanatory study of MBA students with regards to sustainability and ethics commitment. *Sustainability*, 8, 280
- Bustamante-Perez, G. 2014. Developing Entrepreneurial Literacy at University: A Hands-On Approach. *International Journal of Multidisciplinary Comparative Studies*. 1(2). 57-75.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2001. *Research Methods in Education. Edisi ke 5*. London: Routledge/Falm.
- Chaffey, D., Chadwick, F. E., Johnston, K., & Mayer, R. (2009). *Internet marketing: strategy, implementation and practice (4th edition)*. Pearson Education: Prentice Hal.
- Dutta, D.K., Li, J., & Merenda, M. 2011. Fostering Entrepreneurship: Impact of Specialization and Diversity in Education. *International Entrepreneurship Management Journal*, 7(2011), 163-179.
- Deveci, I. & Seikkula-Leino, J. 2018. A review of entrepreneurship education in teacher education. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 15(1), 105-148
- Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohammad Rahim Kamaluddin & Sheerd Sahid. 2023. *Laporan Akhir FRGS*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Faradillah Iqmar Omar, Umami Munirah Syuhada Mohamad Zan, Nor Azlili Hassan, Izzurazlia Ibrahim. 2020. Pengaruh pemasaran digital terhadap prestasi usahawan perusahaan kecil dan sederhana. *e-Jurnal Penyelidikan Inovasi*, 7(2), 138-155.
- García-González, A.; Ramírez-Montoya, M.S. 2021. Social Entrepreneurship Education: Changemaker Training at the University. *High. Ed. Skills and Work Based Learn*. 1–26
- Hendro, I. 2011. *Dasar-Dasar Kewirausahaan*. Jakarta: Penerbit Erlangga
- Kampylis, P. & Berki, E. 2014. Nurturing Creative Thinking. *International Bureau of Education & International Academy of Education*. https://www.researchgate.net/publication/262242263_Nurturing_Creative_Thinking.
- Kusio, T. & Fiore, M. 2020. The perception of entrepreneurship culture by internal university stakeholders. *Eur. Bus. Rev*, 32, 443–457
- Kozinets, R. 2002. The field behind the screen: Using netnography for marketing research in online communities. *Journal of Marketing Research*, 39(1), 67-72
- Lam Siok Ling, Sheerad Sahid & Norasmah Othman. 2022. Hubungan Sikap dan Tingkah Laku Keusahawanan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3), 1-15.

- Lilanka De Silva, & Ravindra Koggalage. 2021. Current trends in entrepreneurship and technology education considering Sri Lankan and global perspectives. *International Research Journal of Modernization in Engineering Technology and Sciences*, 3(2), 401- 410.
- Malhotra, N.K., Hall, J., Sham, M & Crsip, M. 1996. *Marketing Research: Applied Orientation* (1st Edition). Sydney: Prentice Hall.
- Mangold, G. & Faulds, D. 2009. Social media: The new hybrid element of the promotion mix. *Business Horizons*, 52(4), 357-365.
- Mohd Hafeez Al-Amin Abdul Wahab. 2013. Penerapan Kemahiran Keusahawanan dalam kalangan Pelajar Bidang Kejuruteraan Mekanikal di UTHM. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohamad Ayub Ariffin & Radin Siti Aishah Radin A. Rahman. 2019. Hubungan Antara Ciri-Ciri Keusahawanan Dengan Aspirasi Keusahawanan Pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Kolej Vokasional Ranaco Marin. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 5(15)46-60.
- Nadirah Umar & Sheerad Sahid. 2021. Kerangka Konseptual Faktor Kesiediaan Menceburi Bidang Keusahawanan Serta Hubungannya dengan Penggunaan Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Keusahawanan dalam Kalangan Graduan di Lembah Klang. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*. 36-49.
- Nurul Jasmin Ramli & Noor Aslinda Abu Seman. 2020. Kajian Mengenai Niat Keusahawanan Mengikut Teori Tingkah Laku Terancang. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 984–998.
- Nor Azira Ayob, Mohd Amar Aziz, Noor Hadzida Ayob, Siti Nur Fathanah Abd Hamid & Yarina Ahmad. 2023. Peranan Institusi dalam pembangunan keusahawanan wanita: kajian literatur modal insan, daya saing dan keusahawanan digital. *Journal of Administrative Science*, 20(1), 191-212.
- Obschonka, M., & Stuetzer, M. 2017. Integrating psychology approaches to entrepreneurship: The entrepreneurial personality system (EPS). *Small Business Economics*, 49(1), 203-231.
- Omolara, E.A. 2018. Entrepreneurial skills and growth of small and medium enterprise (SMES): A comparative analysis of Nigeria entrepreneurs and minority entrepreneurs in the UK. University of Wales Trinity Saint David. Online at <https://mpra.ub.unimuenchen.de/86751> .1
- Pengajian Tinggi 2020. *Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi 2021-2025*. Putrajaya: Malaysia.
- Portuguez Castro, M., Ross Scheede, C. & Gómez Zermeño, M. 2019. The impact of higher education in entrepreneurship and the innovation ecosystem: A case study in Mexico. *Sustainability*, 20, 5597
- Portuguez Castro, M. & Gómez Zermeño, M. G. 2021. Identifying Entrepreneurial Interest and Skills among University Students. *Sustainability*, 13(13):6995
- Rohaila Yusof, Norasmah Othman & Faridah Karim. 2005. Strategi pembelajaran pengalaman berasaskan model Kolb dalam Pendidikan perakauan. *Jurnal Pendidikan*, 30, 113-128.
- Ruhizan Mohamad Yasin & Salma Nadhira Azmi. 2020. Pengaruh Pendekatan Pengajaran Terhadap Ciri-Ciri Keusahawanan dan Minat Pelajar B40 Menjadi Usahawan. *ICOFEA 2020 Conference Proceeding* Eisbn, 541-548
- Renko, M., E., Tarabishu, A., Carsrud, A. L., & Brannback, M. 2015. Understanding and measuring entrepreneurial leadership style. *Journal of Small Business Management*, 53(1), 54-74.

- Sánchez, J.C., Ward, A., Hernández, B. & Florez, J. 2017. Educación emprendedora: Estado del arte. *Propósitos Represent.* 5, 401–473.
- Sternberg, R.J. 2010. The Nature of Creativity. *Creativity Research Journal*, 18(1), 87-98.
- Toresingam, T. T. 2019. Pengetahuan dan Kemahiran Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Asas Perniagaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(26), 46-56
- Universiti Kebangsaan Malaysia. 2021. Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2021.
- Valenzuela-Keller, A.A., Gálvez-Gamboa, F.A., Contreras, D.R. & Parraguez, F.P. 2021. Análisis del perfil emprendedor para la formación de las nuevas generaciones de jóvenes chilenos. *Inf. Tecnol*, 32, 209–216
- Wang, W., Liang, Q., Mahto, R. V., Deng, W. & Zhang, S. X. 2020. Entrepreneurial entry: The role of social media. *Technological Forecasting and Social Change*, 161.

Fauziah Ibrahim (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia (PsiTra),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM,
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan
Emel: ifauziah@ukm.edu.my

Ezarina Zakaria
Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia (PsiTra),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM,
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan
Emel: ezaz@ukm.edu.my

Nor Jana Saim
Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia (PsiTra),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM,
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan
Emel: janasaim@ukm.edu.my

Sarmila Md Sum
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran (SEEDS)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM
43600, Bangi, Selangor
Email: sarmila.mdsun@ukm.edu.my

Hasnoor Shima Ahmad Hassan
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik (PKBL)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM
43600, Bangi, Selangor
Email: hshima@ukm.edu.my